

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BATA MERAH

EDISI APRIL - JUN

2026

MANA SIKANA SASTERAWAN NEGARA

ALES
KOREA

MAJLIS
SEMANGAT
BATA MERAH

SERI NADI
UKM



Diterbitkan di Malaysia oleh
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (online)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia
2026




APR - JUN

2026



Fakulti
& Sains Sosial
Kemanusiaan
Faculty of Social Sciences & Humanities, UKM





ISIKANDUNGAN

04. Mana Sikana

Mantan Pelajar FSSK terima Anugerah Sasterawan Negara Ke-16

06. ALES Siri 3

Perkukuh Pemahaman Diplomasi dan Hubungan Strategik Malaysia & Korea Selatan

08. IDCT 2.0

Seri Nadi UKM angkat Warisan Rembau ke Pentas Digital

10. Pusat Kepimpinan Wanita (PKW)

"The Power Of Giving" Cetus Gelombang Kepimpinan Prihatin dan Berimpak Tinggi

12. Majlis Semangat Bata Merah 2026

Majlis Anugerah Bata Merah 2026 Raikan Mahasiswa FSSK Sebelum Melangkah ke Dunia Profesional

14. PERSADA 2026

Menyemai Budaya Penyelidikan dalam Mencorak Pemikir Masa Hadapan

16. Hari Kerja Sosial Sedunia 2026

Sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia 2026 Tekankan Pembinaan Masyarakat Inklusif dan Berdaya Tahan

18. Graduan LZS Kohort 2

Meneruskan Obor Keilmuan dalam Majlis Graduasi SPKS

20. FESTIARA 2026

Perkasa Apresiasi Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu

22. UFED 2026

FSSK Perkasa Budaya Keusahawanan Pelajar Menerusi UFED 2026

23. Hari Puisi Melayu 2026

Semarakkan Apresiasi Sastera dan Warisan Melayu

24. Seminar & Simulasi Pilihan Raya

Perkukuh Kefahaman Demokrasi dalam Kalangan Pelajar

26. Rumah Bakti Nur Ain

Program Khidmat Komuniti 4.0 di Rumah Bakti Nur Ain

28. Duta Besar Russia

FSSK UKM Terima Kunjungan Hormat Duta Besar Persekutuan Rusia ke Malaysia

30. FSSK ke IPDN, Indonesia

31. Lawatan-Lawatan ke FSSK

- Universiti Riau, Indonesia
- Universitas Lampung, Indonesia
- Universitas Negeri Surabaya, Indonesia

MANA SIKANA DINOBAT SASTERAWAN NEGARA KE-16

Mantan Pelajar FSSK Terima Anugerah Sasterawan Negara Ke-16

Tanggal 28 April 2026 akan terus terpahat sebagai sebuah naskhah sejarah yang gilang-gemilang buat ranah kesusasteraan tanah air. Namun, di sebalik apresiasi di peringkat negara, wujud satu kebanggaan yang luar biasa di fakulti tercinta ini. Pengumuman tokoh ilmunan dan pengarang prolifik, Allahyarham Dr. Abdul Rahman Napiah, atau lebih dikenali dengan, Mana Sikana, sebagai penerima Anugerah Sastera Negara Ke-16 merupakan satu pengiktirafan tertinggi yang amat bermakna buat seluruh warga Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, UKM. Bagi warga FSSK dan UKM amnya, pengiktirafan ini bukan sekadar penganugerahan gelaran, sebaliknya ia adalah manifestasi keutuhan tradisi keilmuan yang selama ini dijunjung oleh UKM dan FSSK.

Mana Sikana dan FSSK UKM mempunyai pertalian yang organik dan sejati. Di mimbar akademik inilah beliau belajar dan menabur bakti sebagai seorang sarjana, pendidik, dan pemikir yang tidak pernah lelah menyuburkan wacana intelektual, khususnya di Jabatan Persuratan Melayu



(kini dikenali sebagai Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu (BITARA-MELAYU). Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera Kelas pertama pada tahun 1978, Ijazah Sarjana Sastera pada tahun 1980 dan Ijazah Doktor Falsafah pada tahun 1990. Kesemuanya dari Universiti Kebangsaan Malaysia.


Melalui tangan dan pemikiran beliaulah, lahirnya ratusan sarjana, pengkritik sastera, dan pelapis pemikir bangsa yang kini meneruskan kesinambungan legasi beliau di serata pelusuk negara. Warga FSSK amat berbangga kerana dari 'rahim' keilmuan fakulti inilah, ketokohan seorang Sasterawan Negara terus dibajai dan dikembangkan.

Mana Sikana Beliau pelopor yang berani membawa anjakan paradigma dalam Kesusasteraan Melayu Moden. Ratusan karya beliau merangkumi cerpen, novel, drama pentas, skrip televisyen, hinggalah kepada esei kritikan sarat dengan elemen eksperimentasi naratif. Karya-karya besar beliau seperti Ronjang, Klimaks, Kesesatan, dan Syajar bukan sekadar naskhah bacaan santai. Ia adalah medan di mana pendekatan intertekstual, metafiksyen, dan metasejarah diadun dengan begitu berseni. Beliau membawa sastera Melayu keluar daripada kepompong konvensional, menyuntik elemen falsafah pascamodenisme dan kritikan sosial tanpa sesekali meninggalkan nilai kemanusiaan serta kepekaan terhadap realiti sosiopolitik tanah air.

Malah, sumbangan terbesar beliau turut melangkaui penulisan kreatif menerusi pengislamisasian teori sastera seperti Teori Teksdealisme yang terus dikaji dan dimanfaatkan di pelbagai universiti.

Buat warga FSSK, penganugerahan Sasterawan Negara ke-16 kepada Mana Sikana adalah kemuncak obor inspirasi. Ia menyuntik semangat baharu kepada para pensyarah, pengkaji, dan mahasiswa untuk terus berani meneroka gagasan baharu dalam dunia sains sosial dan kemanusiaan. Kejayaan ini membuktikan bahawa FSSK dan UKM terus relevan sebagai pasak keilmuan negara yang melahirkan tokoh-tokoh pembina peradaban.

Penobatan ini adalah lambang kejayaan falsafah yang sekian lama subur di bangku akademik universiti ini. Al-Fatihah buat Sang Sasterawan, Dr. Abdul Rahman Napiah; tintamu telah berhenti mengalir, namun gagasan pemikiranmu akan terus berdegup di dada setiap warga keilmuan kami.



**Allahyarham Dr. Abdul Rahman Napiah
(Mana Sikana)**

ALES SIRI 3

ALES FSSK UKM Perkukuh Pemahaman Diplomasi dan Hubungan Strategik Malaysia & Korea Selatan

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa telah menganjurkan *FSSK Ambassador Lecture Series* (ALES) Siri 3 bertempat di Dewan Perdana FSSK UKM.

Penganjuran siri syarahan ini bertujuan menjadi platform interaksi bersama dunia diplomatik melalui perkongsian pengalaman dan pandangan langsung daripada diplomat Malaysia serta wakil antarabangsa yang sedang berkhidmat di luar negara. Program ini turut memberi pendedahan kepada para peserta daripada pelbagai latar belakang akademik dan bukan akademik mengenai hubungan antara strategi, keselamatan dan diplomasi dalam landskap global yang sentiasa berubah.

Siri syarahan kali ini menampilkan Duta Besar Korea Selatan ke Malaysia, H.E. Mr. Yeo Seung-Bae yang menyampaikan syarahan bertajuk “*Building a Shared Future in Korea Malaysia Relations*”. Dalam perkongsianannya, beliau menekankan tiga elemen utama yang menjadi asas hubungan antara Malaysia dan Korea Selatan iaitu *Trust*, *Strategy* dan *Co-prospering*.



Menurut beliau, elemen *Trust* merujuk kepada hubungan kepercayaan yang telah dibina antara kedua-dua negara selama lebih empat dekad menerusi pelaksanaan *Look East Policy*. Sementara itu, *Strategy* pula merangkumi kerjasama strategik dalam aspek keselamatan dan pertahanan seperti kerjasama industri pertahanan, latihan ketenteraan bersama serta dialog dasar peringkat tinggi antara kedua-dua negara.

Beliau turut menjelaskan bahawa konsep *Co-prospering* membawa maksud kerjasama berorientasikan masa hadapan demi kemakmuran bersama dalam mendepani ketidakpastian global. Kerjasama tersebut melibatkan pelbagai bidang strategik termasuk kecerdasan buatan (AI), transformasi digital, peralihan tenaga serta tindakan terhadap perubahan iklim.

Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub, dalam ucapan pembukaannya menzahirkan penghargaan atas kesudian Duta Besar Korea Selatan hadir ke FSSK. Beliau menyifatkan Korea Selatan sebagai sebuah negara yang muncul sebagai antara kisah kejayaan paling luar biasa di Asia dengan pembangunan ekonomi yang dinamik, kemajuan teknologi yang pesat, pengaruh budaya yang besar serta dihormati di peringkat global.

Beliau turut berharap agar syarahan tersebut dapat memberikan peluang berharga kepada mahasiswa dan komuniti akademik untuk memperoleh pemahaman secara langsung mengenai diplomasi, kerjasama serantau dan visi masa depan Korea Selatan. Menurut beliau, program seperti ini mampu membuka ruang kepada dialog yang lebih bermakna, memperkukuh kerjasama akademik serta mengeratkan hubungan antara rakyat kedua-dua negara.

서울대학교
SEOUL NATIONAL UNIVERSITY



Program turut diserikan dengan persembahan alat muzik tradisional oleh pelajar-pelajar daripada Seoul National University yang menampilkan keunikan seni dan budaya Korea Selatan yang secara langsung menambahkan lagi nilai pertukaran budaya dalam penganjuran ALES kali ini. Program ini turut dihadiri oleh H.E. Juraj Koudelka iaitu Duta Besar Republik Czech ke Malaysia.



SERI NADI UKM ANGKAT WARISAN REMBAU KE PENTAS DIGITAL IDCT 2.0

Seri Nadi FSSK UKM Raih Naib Johan
Anugerah Keterlihatan Produk Komuniti Terbaik di IDCT 2.0

Pasukan Seri Nadi daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengharumkan nama universiti apabila berjaya meraih Naib Johan Anugerah Keterlihatan Produk Komuniti Terbaik dalam pertandingan Impact Digital Community Tourism 2.0 (IDCT 2.0) yang berlangsung di Kuching, Sarawak.

Pertandingan yang berlangsung dari 12 hingga 14 Jun 2026 itu menghimpunkan mahasiswa, mentor dan komuniti daripada pelbagai institusi pendidikan tinggi awam bagi memperkukuh agenda pelancongan komuniti melalui pendekatan digital, inovasi dan keusahawanan sosial.

Dalam pertandingan tersebut, pasukan Seri Nadi mempertaruhkan projek "Experience Rembau", sebuah inisiatif pelancongan komuniti yang mengetengahkan keunikan warisan, budaya, makanan tradisional, alam semula jadi serta keusahawanan tempatan di Rembau, Negeri Sembilan. Projek ini dibangunkan oleh mahasiswa UKM di bawah bimbingan pensyarah mentor, Dr. Nor Azrul Mohd Zin dengan sokongan komuniti setempat serta Sekretariat Keusahawanan FSSK.



Melalui projek berkenaan, pasukan Seri Nadi berjaya memperkenalkan Rembau sebagai destinasi pelancongan komuniti yang menawarkan pengalaman autentik kepada pengunjung. Antara tarikan yang diketengahkan termasuk pendakian Gunung Datuk, penerokaan sejarah dan budaya di Muzium Rembau, makanan tradisional Negeri Sembilan di Kafe Singgahsana serta pengalaman bersama perusahaan komuniti tempatan seperti Bahulu Warisan SeeTam.

Keistimewaan projek ini terletak pada pendekatan yang menggabungkan warisan komuniti dengan teknologi digital melalui strategi pemasaran digital, penghasilan kandungan kreatif dan pembangunan naratif pelancongan yang lebih tersusun. Pendekatan tersebut bukan sahaja membantu meningkatkan keterlihatan produk komuniti, malah memperluaskan potensi promosi kepada khalayak yang lebih luas.



Pencapaian pasukan Seri Nadi membuktikan bahawa mahasiswa FSSK berupaya mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di universiti untuk menghasilkan penyelesaian yang memberi manfaat kepada masyarakat. Kejayaan ini juga mencerminkan komitmen FSSK dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari sudut akademik, malah mempunyai keupayaan untuk memimpin projek berasaskan komuniti, inovasi dan pembangunan lestari.

Penyertaan dan kejayaan Seri Nadi dalam IDCT 2.0 turut memperlihatkan peranan penting mahasiswa sebagai penghubung antara universiti dan komuniti melalui usaha memperkasa produk tempatan, mempromosikan warisan budaya serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi komuniti menerusi pendekatan digital yang kreatif dan berimpak.

Kejayaan ini menjadi satu lagi bukti bahawa mahasiswa FSSK UKM mampu mengangkat warisan tempatan ke pentas nasional melalui inovasi dan kreativiti, selaras dengan aspirasi universiti untuk melahirkan graduan yang berdaya saing, berjiwa masyarakat dan bersedia mendepani cabaran masa hadapan.

PUSAT KEPIMPINAN WANITA (PKW)

“The Power Of Giving”
Cetus Gelombang Kepimpinan
Prihatin dan Berimpak Tinggi

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim telah menganjurkan sebuah forum bertajuk “The Power of Giving: Memimpin, Memberi dan Menginspirasi” bersempena sambutan Hari Wanita 2026.

Penganjuran forum ini bertujuan menyediakan platform perkongsian ilmu dan pengalaman daripada tokoh-tokoh berwibawa dalam pelbagai bidang, termasuk kepimpinan, pendidikan, perubatan serta kesihatan mental. Inisiatif ini turut menekankan kepentingan nilai memberi sebagai asas dalam membentuk kepimpinan yang berkesan, beretika dan berimpak tinggi kepada masyarakat.

Melalui forum ini, para peserta telah didedahkan kepada pelbagai perspektif tentang bagaimana amalan memberi bukan sahaja mampu memperkasa individu, malah berperanan penting dalam membentuk organisasi yang lebih inklusif, prihatin dan bertanggungjawab sosial. Perkongsian yang disampaikan turut memberi inspirasi kepada peserta untuk mengamalkan budaya memberi dalam kehidupan seharian serta dalam konteks kepimpinan.



Forum ini menampilkan barisan panel terkemuka yang berkongsi pandangan dan pengalaman masing-masing, iaitu YBhg. Profesor Datuk Dr. Azlinda Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi merangkap Felo Utama Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim, YB Datuk Dr. Muhamad Akmal Saleh, seorang doktor perubatan dan aktivis kebajikan masyarakat, serta Puan Anita Abu Bakar, Presiden Mental Health Inclusion, Awareness, Support and Advocacy Association (MIASA) Malaysia merangkap Felo Bersekutu pusat berkenaan.

Forum ini berjaya mencapai objektifnya dalam memperkukuh kefahaman mengenai kepimpinan berasaskan nilai kemanusiaan, di samping menyemai semangat keprihatinan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan peserta sejajar dengan aspirasi sambutan Hari Wanita 2026.



Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub
Dekan FSSK

“Mahasiswa sentiasa berani mencuba, bersikap rendah hati dalam menuntut ilmu, menghormati setiap individu yang ditemui serta tidak mudah berputus asa apabila berdepan dengan cabaran.”

MAJLIS SEMANGAT BATA MERAH 2026

Majlis Anugerah Bata Merah 2026 Raikan Mahasiswa FSSK Sebelum Melangkah ke Dunia Profesional

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjurkan Majlis Anugerah Bata Merah 2026 di Dewan Perdana FSSK sebagai tanda penghargaan kepada mahasiswa tahun akhir yang bakal melangkah ke fasa latihan industri.

Majlis yang menjadi tradisi tahunan FSSK selama 4 tahun berturut-turut dan ini bukan sekadar sebuah acara penghargaan, malah menjadi medan untuk meraikan perjalanan akademik para mahasiswa sepanjang bergelar mahasiswa FSSK. Ia turut menjadi ruang untuk mengenang pengalaman, persahabatan, pencapaian serta pembentukan sahsiah yang telah dilalui sebelum menempuh alam pekerjaan yang sebenar.

Antara pengisian utama majlis ialah Sesi Inspirasi bertajuk *"From Campus to Corporate: Future Careers & Leadership for Social Science Graduates"* yang disampaikan oleh Puan Noor Farilla Abdullah, Group Chief Digital Officer, Bank Islam Malaysia Berhad. Melalui perkongsian tersebut, beliau menekankan kepentingan graduan melengkapkan diri dengan kemahiran insaniah, kepimpinan, komunikasi, kebolehsuaian serta literasi digital bagi menghadapi cabaran dunia pekerjaan yang semakin dinamik dan kompetitif. Beliau turut berkongsi pengalaman serta pandangan mengenai ciri-ciri graduan yang mampu menyesuaikan diri dengan perubahan landskap industri dan menjadi pemimpin masa hadapan.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian Anugerah Bata Merah yang mengiktiraf kecemerlangan mahasiswa dalam 24 kategori sebagai penghargaan terhadap pencapaian, kepimpinan dan sumbangan mereka sepanjang pengajian di FSSK.

Dalam amanatnya, Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub menyeru agar para mahasiswa memanfaatkan sepenuhnya peluang latihan industri sebagai platform untuk menimba pengalaman, membina keyakinan diri dan mengembangkan potensi masing-masing.

Beliau berkata, latihan industri merupakan medan terbaik untuk membuktikan bahawa mahasiswa FSSK bukan sahaja memiliki kecemerlangan akademik, tetapi mempunyai integriti, profesionalisme, nilai kemanusiaan serta semangat untuk terus menyumbang kepada masyarakat.



Beliau turut berpesan agar mahasiswa sentiasa berani mencuba, bersikap rendah hati dalam menuntut ilmu, menghormati setiap individu yang ditemui serta tidak mudah berputus asa apabila berdepan dengan cabaran. Menurut beliau, sikap dan nilai murni tersebut merupakan asas penting dalam membentuk graduan yang berkualiti dan mampu bersaing di peringkat global.

Penganjuran Majlis Anugerah Bata Merah 2026 mencerminkan komitmen berterusan FSSK dalam menghargai kecemerlangan mahasiswa serta mempersiapkan mereka menghadapi alam pekerjaan dengan ilmu, kemahiran dan nilai kepimpinan yang tinggi. Diharapkan pengalaman sepanjang pengajian dan latihan industri kelak akan menjadi asas kepada pembentukan graduan FSSK yang berdaya saing, berintegriti dan mampu memberi impak positif kepada masyarakat serta negara.





PERSADA 2026

PERSADA 2026 Menyemai Budaya Penyelidikan Dalam Mencorak Pemikir Masa Hadapan

Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (PMFSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjurkan Persidangan Kebangsaan Sarjana Muda (PERSADA) 2026 di Dewan Perdana Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) dengan penyertaan seramai 160 peserta daripada pelbagai institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Penganjuran PERSADA 2026 ini bertujuan memperkasakan budaya penyelidikan dan perkongsian ilmu dalam kalangan mahasiswa prasiswazah melalui pembentangan hasil kajian, pertukaran idea serta perbincangan ilmiah yang merentas disiplin pengajian. Persidangan ini malah turut menjadi platform bagi menggalakkan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti akademik yang menyumbang kepada pembangunan ilmu pengetahuan dan pemikiran kritis.

Persidangan tersebut menyaksikan penyertaan delegasi antarabangsa daripada Universitas Padjadjaran (UNPAD), Indonesia yang menghantar seramai 40 peserta. Selain itu, program ini turut mendapat penyertaan daripada pelbagai universiti awam di Malaysia serta rakan strategik antarabangsa iaitu Universitas Airlangga, Surabaya dan Institut Pemerintahan Dalam Negeri (IPDN), Indonesia.



Majlis penutupan telah disempurnakan oleh Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub yang menzahirkan rasa bangga terhadap komitmen mahasiswa daripada pelbagai institusi pengajian tinggi dan bidang pengkhususan yang berbeza.

Beliau berkata, kepelbagaian perspektif dan disiplin ilmu yang dibawa oleh para peserta telah menjadikan PERSADA 2026 sebagai medan akademik yang lebih dinamik dan bermakna, sekali gus menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan yang lebih menyeluruh.

Dalam ucapan penutupnya, beliau turut merakamkan penghargaan kepada delegasi daripada Universitas Padjadjaran (UNPAD), Indonesia atas penyertaan dan komitmen yang diberikan sepanjang persidangan berlangsung. Menurut beliau, kehadiran peserta antarabangsa bukan sahaja memperkukuh jaringan akademik serantau tetapi juga memperkayakan perbincangan ilmiah melalui perkongsian pengalaman dan perspektif global.



Pada majlis yang sama, seramai 12 orang peserta telah menerima pengiktirafan melalui Anugerah Pembentangan Terbaik dan Anugerah Extended Abstrak Terbaik sebagai penghargaan terhadap kecemerlangan penyelidikan dan kualiti pembentangan yang dipamerkan sepanjang persidangan.

Turut hadir ialah Timbalan Dekan Prasiswazah FSSK, Prof. Madya Dr. Ezarina Zakaria, Penasihat Program, Dr. Normalis Amzah serta Penolong Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni FSSK, Puan Hasnoor Shima Ahmad Hassan.

Penganjuran PERSADA 2026 membuktikan komitmen berterusan FSSK dalam membudayakan penyelidikan di peringkat prasiswazah serta menyediakan ruang kepada mahasiswa untuk mengasah kemahiran pembentangan, memperluas jaringan akademik dan mengembangkan pemikiran secara kritis serta inovatif. Inisiatif ini selari dengan aspirasi universiti untuk melahirkan graduan yang berdaya saing, berpengetahuan dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

Tahniah buat pembentangan terbaik :

1. Muhammad Akmal Hazeem Bin Mohd Rosni
2. Aisyah Nadzirah Binti Mubaraq
3. Khayra Iman Binti Muzaffar
4. Muhammad Nur Firdaus Bin Rosman
5. Siti Nurjihan Fahirah Binti Herman
6. Nur Mardeena Aisha Binti Mohd Nasir
7. Auji Athaya Asiyah
8. Nur Adlina Binti Mohd Nazri
9. Alia Athirah Binti Mohamad Asri



Abstrak Panjang Terbaik :

1. Mashitah Binti Jamalludin
2. Nurfatin Nabilah Binti Khanafi
3. Jiang Yutong



SAMBUKAN HARI KERJA SOSIAL SEDUNIA 2026

Sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia 2026
Tekankan Pembinaan Masyarakat Inklusif
dan Berdaya Tahan



Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra) telah menganjurkan Sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia 2026 peringkat UKM yang berlangsung di Dewan Perdana FSSK.

Sambutan tahun ini mengangkat tema “Membina Harapan dan Harmoni Bersama: Seruan Harambee untuk Mengukuhkan Kesepaduan dalam Masyarakat” yang menekankan kepentingan usaha kolektif dalam membina masyarakat yang inklusif, sejahtera dan berdaya tahan.

Penganjuran program ini bertujuan menghargai serta mengiktiraf peranan pekerja sosial dalam membantu mengembalikan kefungsi individu, keluarga dan komuniti yang memerlukan, di samping memperkukuh kesejahteraan sosial dalam masyarakat.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub, yang dalam ucapannya menyeru mahasiswa dan mahasiswi agar terus bersemangat dalam menuntut ilmu serta mengukuhkan nilai profesional dalam diri. Beliau turut menekankan kepentingan nilai empati, integriti dan keupayaan untuk menjadi agen perubahan yang memberi impak positif kepada masyarakat.

Sambutan ini turut diserikan dengan pameran poster, pertandingan video TikTok dan sesi Sharing Talk yang menampilkan tiga tokoh industri dalam bidang kerja sosial. Dr. Rusmailani Ab. Aziz, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Perlindungan Kanak-kanak, Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak, JKM telah berkongsi kupasan bertajuk “Realiti Kerja Sosial di Malaysia”.

Turut berkongsi pengalaman ialah Cik Natasya Nadzmi Mohd Lotfan, Eksekutif Kanan Yayasan Hasanah, yang membincangkan perjalanan kerjaya dalam bidang kerja sosial dari perspektif lapangan ke dasar. Selain itu, Puan Zakiah A. Rahman, Pengurus Besar OrphanCare Foundation turut menyampaikan perkongsian bertajuk “Co-Building Hope & Harmony: A Harambee Call to Unite a Divided Society” yang memberi penekanan kepada peranan NGO dalam membina masyarakat yang lebih bersatu dan harmoni.

Secara keseluruhannya, Sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia 2026 ini mencerminkan komitmen FSSK dan PsiTra dalam memperkukuh kefahaman terhadap peranan kerja sosial serta menyemai kesedaran tentang kepentingan kerjasama kolektif dalam membina masyarakat yang lebih inklusif dan berdaya tahan.



GRADUAN LZS KOHORT 2

Graduan LZS Kohort 2 Meneruskan Obor Keilmuan dalam Majlis Graduasi SPKS

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra) telah menganjurkan Majlis Graduasi Sijil Profesional Khidmat Sosial (SPKS) ke-2 di Dewan Perdana FSSK bagi meraikan kejayaan 17 orang graduan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang berjaya menamatkan pengajian bagi Kohort 2.

Majlis ini dianjurkan sebagai pengiktirafan terhadap komitmen dan usaha para peserta dalam memperkukuh kompetensi profesional dalam bidang kerja sosial, khususnya dalam mendepani cabaran pengurusan kebajikan masyarakat dan penyampaian perkhidmatan kepada golongan memerlukan.

Dalam majlis tersebut, Abdul Halim Abu Bakar telah dinobatkan sebagai Pelajar Terbaik Kategori Lelaki, manakala Roslinda Yahya menerima anugerah Pelajar Terbaik Kategori Perempuan sebagai penghargaan terhadap kecemerlangan akademik dan komitmen sepanjang mengikuti program.

Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub dalam ucapannya, menegaskan bahawa program seperti SPKS bukan sahaja melahirkan pegawai yang berkemahiran, malah membentuk pemikir yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

“Kita bukan sekadar melahirkan pegawai-pegawai kerajaan, malah kita juga melahirkan seorang pemikir yang akan membantu kita membina sebuah negara yang cemerlang, untuk negara, bangsa dan agama,” katanya.



Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub
Dekan FSSK

“Kita bukan sekadar melahirkan pegawai-pegawai kerajaan, malah kita juga melahirkan seorang pemikir yang akan membantu kita membina sebuah negara yang cemerlang, untuk negara, bangsa dan agama,”

Beliau turut menyeru para graduan agar terus membawa obor keilmuan dan pengalaman yang diperoleh untuk dicurahkan sebagai bakti kepada negara yang tercinta.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor, Tuan Mohd Khaidzir Shahari, berharap agar ilmu yang diperoleh sepanjang program ini dapat dimanfaatkan dalam melaksanakan amanah dengan penuh dedikasi.

“Semoga segala ilmu yang ditimba di dalam FSSK UKM menjadi bekal dalam melaksanakan amanah, menyantuni golongan asnaf serta pembayar zakat di Selangor dengan penuh dedikasi dan integriti,” ujarnya.

Secara keseluruhannya, penganjuran Majlis Graduasi SPKS Kohort 2 ini mencerminkan komitmen berterusan FSSK dalam memperkasa pembangunan kompetensi profesional dalam bidang kerja sosial, di samping menyokong usaha melahirkan tenaga kerja yang berintegriti, berempati dan berdaya saing dalam menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

FESTIARA 2026 MENGANGKAT BAHASA, MENJULANG WARISAN

FESTIARA 2026 Perkasa Apresiasi Bahasa,
Sastera dan Budaya Melayu



Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerusi kerjasama antara mahasiswa Kelab Pengajian Melayu (KPM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menganjurkan Festival Bitara Melayu (FESTIARA) 2026 yang berlangsung di Dewan Perdana FSSK.

Penganjuran FESTIARA 2026 bertujuan memupuk apresiasi terhadap bahasa, sastera dan budaya Melayu, di samping menjadi wadah yang menggabungkan dimensi akademik, seni dan komuniti dalam menyemai rasa cinta terhadap bahasa ibunda serta warisan bangsa.

Festival ini diserikan dengan pelbagai pengisian ilmiah dan kebudayaan termasuk Wacana Bitara Melayu yang disampaikan oleh Sasterawan Negara, YBhg. SN Dato' Dr. Anwar Ridhwan, selaku Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka. Wacana bertajuk "Sastera Menyulam Kebitaraan: Suara Seorang Sasterawan Negara" itu mengetengahkan peranan sastera dalam membina identiti bangsa dan memperkukuh jati diri masyarakat Melayu.

Selain itu, FESTIARA 2026 turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti lain seperti pertandingan tulisan khat jawi, Dendangan Syair IPT 2026, pertandingan deklamasi puisi, pertandingan pameran alam Melayu dan banyak lagi aktiviti seni dan budaya yang melibatkan mahasiswa dari pelbagai universiti.

Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub, dalam ucapannya menegaskan bahawa penganjuran FESTIARA perlu terus diperkasa sebagai platform penting dalam memartabatkan kesusasteraan Melayu, budaya dan warisan bangsa agar terus kekal relevan merentas zaman. Beliau turut menyifatkan kehadiran Dato' Dr. Anwar Ridhwan sebagai satu penghormatan besar kepada warga FSSK khususnya dalam usaha menyuburkan kecintaan terhadap dunia sastera dan bahasa Melayu.



Sementara itu, Dato' Dr. Anwar Ridhwan dalam ucapan perasmian menekankan bahawa bahasa Melayu bukan sekadar alat komunikasi, tetapi merupakan jiwa kepada identiti bangsa dan warisan Melayu. Menurut beliau, seni warisan seperti puisi, syair dan lagu-lagu irama tradisional bukan hanya berfungsi sebagai hiburan, malah menjadi lambang jati diri yang perlu terus dipelihara dan dipertahankan.



Dalam majlis tersebut, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub dan Dato' Dr. Anwar Ridhwan turut menzahirkan rasa dukacita atas pemergian Allahyarham Che Abdullah Che Ya, iaitu sahabat mereka dan pensyarah Bitara Melayu yang banyak menabur bakti dalam memperkasa bahasa, sastera dan warisan Melayu.

Secara keseluruhannya, penganjuran FESTIARA 2026 mencerminkan komitmen berterusan FSSK dalam memperkukuh pemerikasaan bahasa, sastera dan budaya Melayu sebagai warisan intelektual dan identiti bangsa yang perlu terus dipelihara oleh generasi masa hadapan.

UFED 2026

FSSK Perkasa Budaya Keusahawanan Pelajar Menerusi UFED 2026



Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerusi Program Uptown FSSK Entrepreneurial Day (UFED) 2026 terus memperkukuh agenda pembangunan bakat dan keusahawanan mahasiswa melalui pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman.

Program yang berteraskan elemen keusahawanan dan pemasaran digital ini dilaksanakan bagi memberi ruang kepada pelajar mengaplikasikan ilmu secara praktikal menerusi aktiviti perniagaan fizikal serta pembinaan medium pemasaran digital yang kreatif dan inovatif.

UFED 2026 melibatkan penyertaan seramai 852 pelajar arus perdana dan 335 pelajar antarabangsa FSSK dengan keseluruhan sebanyak 206 gerai jualan. Penglibatan berskala besar ini mencerminkan komitmen fakulti dalam mewujudkan ekosistem pembelajaran yang lebih dinamik, inklusif dan relevan dalam melahirkan graduan masa hadapan yang berdaya saing.

Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub turut berbesar hati mengunjungi UFED 2026 sekali gus menyaksikan sendiri kreativiti, daya saing dan semangat keusahawanan yang ditampilkan oleh para pelajar.

Penganjuran UFED 2026 turut membuktikan komitmen FSSK dalam memperkukuh agenda pembangunan graduan berketerampilan melalui integrasi ilmu sains sosial, keusahawanan, inovasi dan pemasaran digital selari dengan aspirasi Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (PTK-IPT).



HARI PUISI MELAYU 2026

Hari Puisi Melayu 2026 Semarakkan Apresiasi Sastera dan Warisan Melayu

Program Persuratan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjurkan Hari Puisi Melayu 2026 di Dataran Dewan Perdana FSSK bagi menyemarakkan apresiasi terhadap puisi Melayu serta memperkukuh kecintaan terhadap warisan bahasa, sastera dan budaya bangsa.

Penganjuran program oleh pelajar Tahun 1 Program Persuratan dan Kebudayaan Melayu ini bertujuan memartabatkan puisi Melayu sebagai medium ekspresi seni, pemikiran dan jati diri bangsa, di samping menggalakkan penglibatan warga kampus dalam menghayati khazanah kesusasteraan Melayu yang kaya dengan nilai, falsafah dan kebijaksanaan tempatan.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang program berlangsung, antaranya pameran hasil karya dan pengenalan tokoh-tokoh Sasterawan Negara, persembahan puisi, deklamasi puisi terbuka serta nyanyian lagu puisi. Program ini turut menyaksikan penyertaan seramai 88 orang pelajar yang mendeklamasikan puisi, selain penglibatan 12 orang barisan pengurusan tertinggi fakulti yang bersama-sama memeriahkan sambutan melalui penghayatan karya puisi Melayu.



Majlis turut diserikan dengan kehadiran Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub. Dalam ucapannya, beliau menyeru agar usaha memperkukuh warisan budaya dan kesusasteraan Melayu terus diperkasakan oleh generasi muda. Menurut beliau, khazanah sastera seperti puisi, syair, pantun dan pelbagai bentuk karya tradisional Melayu perlu terus dipelihara, dihargai dan diwariskan agar kekal relevan merentas zaman serta menjadi sumber inspirasi kepada generasi akan datang.



Hari Puisi Melayu 2026 membuktikan bahawa puisi masih mempunyai tempat yang istimewa dalam masyarakat dan mampu menjadi medium yang menyatukan warga fakulti melalui penghayatan bahasa dan seni. Selaras dengan tema "Puisi Melayu Wadah Kebitaraan Melayu" program ini berjaya mengangkat puisi sebagai lambang keunggulan bahasa, pemikiran dan budaya Melayu yang wajar terus dipelihara dan dimartabatkan.

SEMINAR DAN SIMULASI PILIHAN RAYA

Seminar dan Simulasi Pilihan Raya Perkukuh Kefahaman Demokrasi dalam Kalangan Pelajar

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) melalui Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (SEEDS) telah berjaya menganjurkan Seminar dan Simulasi Pilihan Raya yang berlangsung di Dewan Perdana FSSK.

Penganjuran seminar dan simulasi ini mencerminkan komitmen institusi pendidikan tinggi dalam memperkukuh kefahaman masyarakat, khususnya generasi muda, terhadap sistem demokrasi dan proses pilihan raya di Malaysia. Program ini memberi peluang kepada para pelajar untuk memahami dengan lebih dekat mekanisme pilihan raya, peranan pengundi, proses pencalonan, tatacara pengundian serta pengiraan undi. Pengalaman pembelajaran secara langsung ini mampu melahirkan warga yang lebih peka, berpengetahuan dan bertanggungjawab dalam melaksanakan hak serta tanggungjawab sebagai rakyat.



Sebagai sebuah institusi yang menjunjung kecemerlangan ilmu, FSSK bukan sahaja berperanan sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran, malah turut menjadi peneraju dalam penghasilan, pengembangan dan pemindahan ilmu yang memberi manfaat kepada masyarakat serta negara. Penganjuran Seminar dan Simulasi Pilihan Raya ini membuktikan komitmen berterusan fakulti dalam memperkasakan pendidikan sivik dan demokrasi dalam kalangan generasi muda.



FSSK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Dr. Mohd. Fuad Mat Jali selaku Ketua dan Penaung Projek Atlas Pilihan Raya Malaysia atas kepimpinan dan sokongan beliau dalam menjayakan program ini. Penghargaan turut dizahirkan kepada Dr. Mohd. Faisal Syam Abdol Hazis, Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR); Encik A. Azli Abd Rahim, Timbalan Pengarah Kanan, Pusat Bibliografi Negara yang mewakili Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia; serta Encik Mohd. Jefri Abu Hassan Vadival, Penolong Pengarah, Pusat Bibliografi Negara, Perpustakaan Negara Malaysia. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada seluruh warga FSSK yang telah memberikan komitmen dan sokongan dalam memastikan kelancaran serta kejayaan program ini.

Program ini diharap dapat terus menjadi platform penting dalam meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penghayatan terhadap amalan demokrasi, sekali gus menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih berinformasi, berintegriti dan bertanggungjawab terhadap masa depan negara.





RUMAH BAKTI NUR AIN

Program Khidmat Komuniti 4.0 Rumah Bakti Nur Ain

Pada 22 April 2026 yang lalu, Unit KASIH@FSSK, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia telah berjaya melaksanakan Program Khidmat Komuniti 4.0 di Rumah Bakti Nur Ain dengan penglibatan pelbagai institusi dalam semangat kesukarelawan dan jaringan strategik.

Program ini telah disertai oleh Skuad KASIH@FSSK, wakil dan pelajar daripada Institut Pemerintahan Dalam Negeri (IPDN), pelajar pertukaran dari Universitas Padjadjaran (UNPAD), Indonesia, pensyarah Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA), serta barisan taskforce yang bersama-sama menjayakan program ini.



Majlis pelepasan peserta (flag off) telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Sity Daud, Profesor Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA), bersama Dr. Noviatin Syarifuddin, Penyelaras Unit KASIH@FSSK.

Program ini bukan sahaja menyemai nilai empati dan keprihatinan sosial, malah memperkukuh hubungan rentas institusi, kerjasama serantau serta semangat kebersamaan dalam kalangan peserta.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen serta sokongan dalam menjayakan program ini. Semoga usaha murni seperti ini terus diperkasakan demi kesejahteraan masyarakat.

#KASIH@FSSK #FSSKUKM #KhidmatKomuniti #RumahBaktiNurAin #IPDN #UNPAD

Antara pengisian utama program ialah:

Sesi pertukaran budaya

Latihan Dalam Kumpulan (LDK)

Interaksi dan santunan bersama penghuni Rumah Bakti Nur Ain

Penyampaian sumbangan oleh wakil IPDN

Penyampaian cenderamata



DUTA BESAR RUSSIA

FSSK UKM Terima Kunjungan Hormat Duta Besar Persekutuan Rusia ke Malaysia

Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), YBhg. Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Naiyl M. Latypov, Duta Besar Persekutuan Rusia ke Malaysia dalam satu sesi pertemuan strategik yang berlangsung di FSSK UKM.



Kunjungan yang turut disertai oleh En. Andrey Potemkin, Pn. Mariiam Musaeva, Prof. Dr. Nor Fariza Mohd. Nor, Prof. Dr. Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Dr. Mohd Iqbal Mohd Huda tersebut bukan sekadar pertemuan rasmi tetapi merupakan platform penting dalam memperkukuh hubungan diplomasi akademik antara Malaysia dan Persekutuan Rusia, khususnya dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan hubungan antarabangsa.

Antara agenda utama yang dibincangkan ialah usaha memperkasa program akademik melalui cadangan memperkenalkan pembelajaran bahasa Rusia di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik (PKBL), FSSK UKM. Inisiatif tersebut dilihat berpotensi memperluas penguasaan bahasa asing dalam kalangan mahasiswa serta membuka peluang baharu dalam bidang hubungan antarabangsa dan komunikasi global.



Selain itu, kedua-dua pihak turut membincangkan potensi kerjasama dalam program mobiliti pelajar, pertukaran tenaga pengajar termasuk pelaksanaan program pensyarah pelawat, serta kolaborasi penyelidikan yang mampu memberi manfaat kepada kedua-dua institusi. Perbincangan turut menyentuh isu-isu strategik dan hubungan antarabangsa semasa sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh jaringan akademik global.

FSSK sentiasa komited dalam menyediakan wadah terbaik kepada warga fakulti untuk memperluas horizon ilmu pengetahuan serta memperkukuh jaringan kerjasama antarabangsa. Kunjungan ini diharapkan dapat membuka lembaran baharu dalam memperkasa kecemerlangan akademik dan memperkukuh hubungan dua hala antara UKM dan institusi pendidikan di Persekutuan Rusia.



FSSK KE IPDN

Institut Pemerintahan Dalam Negeri (IPDN) Indonesia merupakan rakan strategik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Dokumen Persefahaman (MoU) yang diselaraskan oleh Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK).

Sehubungan itu, satu kunjungan hormat telah diadakan pada 19 April 2026 bagi meraikan pelantikan Dr. Halilul Khairi sebagai Rektor IPDN. Beliau merupakan antara individu penting yang memainkan peranan dalam menggerakkan kerjasama strategik antara UKM dan IPDN sejak termeterainya MoU antara kedua-dua institusi.

Kunjungan tersebut turut menjadi platform bagi membincangkan kesinambungan program mobiliti pelajar prasiswazah FSSK ke IPDN serta penempatan pelajar IPDN ke FSSK UKM dalam usaha memperkukuh jaringan akademik dan pertukaran ilmu antara kedua-dua institusi.

Dalam masa yang sama, kedua-dua pihak turut bersetuju untuk meneruskan penyelidikan kolaboratif yang telah dilaksanakan sebelum ini ke pusingan ketiga, melibatkan penyertaan dua orang pensyarah FSSK yang dijadualkan berangkat ke Indonesia pada Ogos akan datang.



LAWATAN-LAWATAN KE FSSK

Sesi Kunjungan Universiti Riau, Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Sesi kunjungan daripada Universiti Riau, Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi memperkukuh hubungan akademik dan kerjasama antarabangsa antara kedua-dua institusi. Kunjungan ini bertujuan untuk membincangkan peluang kerjasama dalam bidang akademik, pertukaran pelajar serta pelaksanaan program latihan industri yang dapat memberi manfaat kepada kedua-dua universiti.



Sesi Kunjungan Fakultas Ilmu Sosial & Ilmu Politik, Universitas Lampung, Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.



Sesi kunjungan daripada Fakultas Ilmu Sosial & Ilmu Politik, Universitas Lampung, Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjadi platform strategik dalam memperkukuh jaringan kerjasama akademik dan hubungan antarabangsa antara kedua-dua institusi. Perbincangan memfokuskan kepada penerokaan kerjasama dalam bidang pengajian pascasiswazah, penyelidikan kolaboratif, khidmat masyarakat, penerbitan ilmiah dan program mobiliti pelajar sebagai usaha memperluas impak pendidikan, penyelidikan dan pengantarabangsaan.

Sesi Kunjungan Fakultas Psikologi, Universitas Negeri Surabaya, Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sesi kunjungan daripada Fakultas Psikologi, Universitas Negeri Surabaya, Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjadi platform strategik bagi menanda aras penubuhan dan pembangunan Program Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Psikologi. Perbincangan memfokuskan kepada tadbir urus akademik, pembangunan kurikulum, sistem jaminan kualiti, pengurusan penyelidikan, strategi pengantarabangsaan, budaya penerbitan serta kesiapsiagaan institusi dalam menguruskan program kedoktoran. Kunjungan ini turut membuka ruang penerokaan kerjasama akademik melibatkan program prasiswazah, sarjana dan doktor falsafah, khususnya dalam bidang penyelidikan, pertukaran akademik, pembangunan kurikulum serta pemerkasaan pendidikan pascasiswazah.

